

28 JAN 2001

Mohd Ali-Kempen

NGO DAN MEDIA DIMINTA ADAKAN KEMPEN KESEDARAN MASYARAKAT ATASI JENAYAH

MELAKA, 28 Jan (Bernama) -- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media diminta memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat peri pentingnya mereka mengambil tahu hal tetangga dalam membendung jenayah.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata satu kempen besar-besaran boleh dilakukan untuk membangkitkan keperihatinan rakyat atas tanggungjawab sosial mereka untuk melaporkan kepada pihak berkuasa apabila berlaku hal-hal yang mencurigakan.

" Nampak trend pada masa kini masyarakat tidak ambil tahu hal tetangga semakin meluas menunjukkan betapa tidak prihatin majoriti orang ramai," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan pemimpin dengan masyarakat yang dianjurkan oleh cawangan Umno Pantai Rombang, di sini hari ini.

Beliau kesal atas kejadian pembunuhan seorang pensyarah wanita Universiti Teknologi Mara, Puteri Haslina Megat Hassan, 46, di Ipoh awal pagi semalam dan berkata pensyarah itu boleh diselamatkan sekiranya jiran bertindak pantas dalam menghubungi pihak berkuasa.

" Kita ada kemudahan perhubungan untuk berkomunikasi sama ada telefon rumah atau telefon bimbit... gunakan kemudahan ini untuk segera menghubungi pihak berkuasa sekiranya terhidu sesuatu jenayah," katanya.

Beliau menyarankan media massa berperanan dalam mendidik orang ramai untuk berperanan sebagai masyarakat prihatin terhadap kesedaran untuk membendung jenayah.

Katanya kerajaan negeri Melaka telah memulakan iniatif dengan mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Pembagunan Keluarga, Masyarakat dan Sosial Negeri, Ramlah Abas mencari pendekatan baru untuk mengurangkan jenayah terutama di kalangan remaja termasuk mengadakan kempen-kempen kesedaran.

" Kerajaan negeri juga sentiasa memantau laporan indeks jenayah menerusi mesyuarat mingguan Exco dan kerjasama rakyat dan pihak berkuasa di negeri ini berhubung sol jenayah adalah perkembangan yang sentiasa diawasi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Ali berkata perpaduan bangsa Melayu perlu dipereratkan terlebih dahulu kerana ia sebagai tunggak perpaduan kaum di Malaysia.

" Orang Melayu perlu diperbetulkan perpaduan mereka barulah bangsa lain hormati kita," kata Mohd Ali yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut Setiausaha Agung PAS, Nasharuddin Mat Isa sebagai berkata pertemuan pucuk pimpinan parti itu dengan Umno perlu diperluaskan meliputi isu integrasi nasional dan tidak terhad kepada kepentingan Melayu sahaja.

" Saya fikir sewajarnya pertemuan pucuk pimpinan kedua parti membincangkan konteks perpaduan Melayu terlebih dahulu sebagaimana yang dikehendaki Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

-- BERNAMA

NO FAZ